



Mahathir: Umat Islam memasuki zaman penting

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

KUALA LUMPUR, Rabu — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menyatakan bahawa seluruh umat Islam termasuk di negara ini sedang memasuki satu zaman yang penting di mana mereka sedang berusaha dan bergiat untuk mempertahankan ketinggian dan kesucian ajaran serta nilai-nilai Islam.

Untuk itu kita mestilah memberi keutamaan dan mengamalkan disiplin dan kesungguhan bekerja seperti yang dituntut oleh Islam supaya mencapai kejayaan dan mendapat keridaan Allah," kata Perdana Menteri di buku cendermata Musabaqah Membaca Quran Peringkat Kebangsaan selama empat malam yang bermula Ahad ini di Ipoh.

Beliau menambah, Islam menuntut manusia supaya berusaha dan berjuang untuk mencapai kejayaan di dunia dan akhirat.

Seseorang individu Islam yang mengikut kehendak dan ajaran Islam akan dapat mengamalkan disiplin dan sikap kesungguhan di dalam semua lapangan hidupnya.

Datuk Seri Dr. Mahathir menambah, Islam bukan sahaja berkehendakkan seorang itu mengikut disiplin tertentu di dalam amal ibadat seperti sembahyang, puasa dan lain-lain dengan tujuan mendapat pahala dan ganjaran tetapi juga usaha dan kegiatan seharian asalkan tidak menyeleweng dari kehendak Islam.

Kata beliau, seseorang individu Islam dikehendaki menjalankan ibadatnya dengan khusyuk dan penuh kesungguhan sama ada pada tindakan niatnya atau matlamatnya.

Inilah kali kedua Musabaqah Membaca Quran Peringkat Kebangsaan diadakan di luar Kuala Lumpur. — Bernama.

No. Siri

No. Pen